

SAMBUTAN ISRAK DAN MIKRAJ PERINGKAT INSTUN

7 Februari - Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah mengadakan satu program Sambutan Israk dan Mikraj peringkat jabatan pada pagi tadi. Program ini telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN. Semua kakitangan INSTUN telah hadir bagi memeriahkan majlis ini yang telah diadakan di Surau As-Sakinah INSTUN. Program ini diserikan lagi dengan tazkirah Israk dan Mikraj yang telah disampaikan oleh YBrs. Alfadhil Ustaz Mohd Ridhzuwan bin Ahmad.

INSTUN turut melancarkan Tabung Ihya Ramadan dalam majlis ini dan telah disempurnakan oleh Pengarah INSTUN disaksikan Ketua-ketua Bahagian. Majlis diakhiri dengan solat zohor berjemaah dan doa selamat.



